

Headline	Menuju geotaman taraf dunia		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	24 Aug 2022	Color	Full Color
Section	News	Circulation	250,000
Page No	12,13	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	1754 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 17,204
Frequency	Weekly	PR Value	RM 51,612



Bagi memulihara alam sekitar, memperkenalkan budaya setempat dan memajukan ekonomi, Kerajaan Negeri sedang mendapat pengiktirafan dunia Geotaman Gombak-Hulu Langat (GHL).
Penilaian di peringkat negara yang bermula Ogos akan diikuti langkah-langkah pengiktirafan dunia bagi disemarak dalam geotaman Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco).
Langkawi sudah diiktiraf pertubuhan tersebut sebagai geotaman dunia.
Dengan keunikan GHL, antaranya permatang kuarza di Gombak dan telaga artesian di Hulu Langat, usaha menjadikannya geotaman kebangsaan bermula sejak 2019.
Wartawan NASHUA BADRUL HUZAINI menemui bual EXCO Pelancongan dan Alam Sekitar Hee Loy Sian pada Julai bagi mendapatkan penjelasan lanjut berhubung usaha Kerajaan Selangor itu.

Bagaimana perkembangan permohonan mendapatkan status Geotaman Gombak-Hulu Langat (GHL) setakat ini?

Kita telah jalankan persiapan (mock run) untuk pelaksanaan GHL pada 12 hingga 15 Julai lalu. Ia sebagai persediaan untuk Selangor dipaparkan status geotaman. Malah, kita juga tubuhkan jawatankuasa yang disertai pelbagai agensi termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT).
Persiapan berkenaan adalah langkah untuk kita bersedia dengan penilaian status tapak ini bermula 15 hingga 18 Ogos.

Berapa luas kawasan geotaman yang dipohon?

Keluasannya 112,985 hektar. Ia merangkumi daerah Gombak dan sebahagian daerah Hulu Langat. Ia melibatkan tiga PBT iaitu Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Majlis Perbandaran Kajang.
Pada masa sama ia merangkumi 31 goetapak, 11 tapak budaya dan warisan serta enam biotapak. Tetapi buat masa ini kita akan fokus kepada 20 goetapak dahulu memandangkan ada potensi untuk tarikan pelancong dan juga pembangunan ekonomi.

Boleh terangkan proses untuk mendapatkan status geotaman kebangsaan?

Sebelum ini kita menasarakan untuk mendapatkan Tapak Warisan Dunia Unesco bagi permatang kuarza di Gombak. Tapi setelah dinilai, ia masih belum cukup matang. Tetapi selepas kajian, didapati Selangor berpeluang miliki geotaman sendiri.
Terdapat empat fasa bagi membolehkan kawasan ini diiktiraf sebagai geotaman. Fasa pertama Kerajaan Negeri mengambil inisiatif dengan melantik penasihat untuk buat kajian sejak 2019. Setelah penilaian selama tiga tahun, memang kawasannya sesuai untuk jadi geotaman.
Fasa kedua, jawatankuasa promosi dan sains serta promosi dan kesedaran GHL ditubuhkan. Seterusnya pada 2023, Selangor bakal mendapat pengiktirafan geotaman negara yang ketujuh.
Pada 2025 pula akan ada persiapan sekali lagi untuk Kerajaan Negeri mendapatkan status geotaman dunia.
Kenapa ia sesuai? Kawasan itu merangkumi



Menuju geotaman taraf dunia



tapak bersejarah, ada nilai pelancongan malah boleh meningkatkan ekonomi setempat.
Namun sebab utamanya adalah tempat itu ada permatang kuarza. Ia adalah kuarza paling panjang di Asia Tenggara.

Apa inisiatif untuk permohonan ini?

Selepas tiga tahun kajian, apabila didapati GHL sesuai jadi geotaman, kita tubuh jawatankuasa melibatkan pelbagai agensi kerajaan termasuk pejabat tanah, PBT dan Tourism Selangor sendiri menjadi pengurus. Jawatankuasa ditubuhkan dan sudah melaksanakan beberapa mesyuarat.
Jawatankuasa ini perlu mengenal pasti ciri unik geologi yang jelas di GHL melalui pengumpulan maklumat sains. Usaha pemuliharaan berterusan perlu dilakukan oleh semua pemegang taruh.
Ia termasuk sesi promosi dan kesedaran dengan PBT, agensi dan komuniti setempat yang sudah pun bermula sejak 2019 dan masih berterusan sehingga kini.

Prasarana seperti papan informasi, kemudahan asas dan kerja penambahbaikan laluan telah dikenal pasti. Dokumen penting (dossier) disediakan mengikut kriteria geotaman kebangsaan dan diserahkan kepada jawatankuasa pelaksanaan.

Apa perkara-perkara unik ada pada kawasan itu yang menyebabkan Kerajaan Negeri memohon status geotaman kebangsaan?

Tempat ini memang unik. Selain kawasan tadahan air yang mengairi Empangan Klang Gates dan Empangan Semenyih, ia merangkumi juga sebahagian hutan simpan kekal, ada flora fauna yang menarik. Juga tapak sejarah dan warisan geologi terutama batu granit.
Batu granit adalah warisan geologi yang paling

bersejarah di Malaysia. Ia berusia antara 200 hingga 220 juta tahun. Batu granit yang terdapat di Batu Caves, Gombak pula dianggarkan berusia antara 250 hingga 500 juta tahun, iaitu bermula dari era zaman ais.

GHL di Batu Arang pula mempunyai lombong arang yang tertua di negara ini. Ia juga ada kawasan kolam air panas.
Pada masa sama terdapat beberapa spesies haiwan langka seperti cicak jari bengkok di Batu Caves. Sudah tentu semua ini akan jadi tempat pelancongan dan tentunya harus dilindungi.
Apabila wujudnya pelancongan, sudah pasti akan tambah hasil pendapatan penduduk tempatan. Akan wujud restoran, pengangkutan. Kerajaan juga pastinya beri kerjasama untuk kebersihan tempat, ada papan tanda jelas supaya orang tahu dan dapat melawatnya.
Kesemua usaha ini memperkuatkan komitmen Kerajaan Negeri untuk melindungi kawasan berkenaan untuk kebajikan generasi yang akan datang, sekali gus mencapai matlamat pembangunan mampan.

Apa manfaatnya jika negeri mendapat status geotaman?

Kalau berjaya jadi geotaman kebangsaan dan Unesco, automatik akan menjadi daya tarikan pelancong. Seluruh dunia akan kenal Malaysia sama seperti Indonesia dan China. Lokasi geotaman mereka sangat cantik dan berjaya menambah hasil ekonomi mereka.
Pelancong yang datang bukan sahaja berbelanja untuk hotel semata, tetapi pengangkutan dan kedai makan. Semuanya memberi impak positif. Saya sangat yakin GHL ini akan dapat pengiktirafan dunia.
Bukan pelancongan semata, tapi status geotaman juga membolehkan pembangunan sekeliling lebih

terkawal kerana kita tidak boleh rosakkan tapak warisan ini. Status geotaman juga akan menaikkan nama Selangor di peringkat global.

Adakah Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) terlibat dengan GHL? Jika ada, apa langkah yang akan diambil?


Memang kita sangat kkuatir projek ECRL akan mengganggu alam sekitar dan geotaman ini. Tetapi perbincangan masih dijalankan, di mana kita tak setuju laluan ECRL akan sebabkan pemusnahan atau gangguan kepada geotaman kebangsaan yang sedang dijalankan.
Kita masih dalam tahap perbincangan. Walau laluan ini memberi kebaikan pengangkutan kepada warga Selangor dan Malaysia, khususnya laluan ke Kelantan, tetapi semasa pembinaan ECRL, ia akan melalui Banjaran Titiwangsa dan hutan simpan yang menjadi tempat tadahan air.
Kawasan berkenaan adalah laluan Sungai Selangor yang mempunyai tiga loji rawatan air yang memberi 70 peratus bekalan air bersih kepada penduduk termasuk Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur.
Kalau tidak ditangani, sudah tentu akan mendatangkan kekacauan. Jadi bekalan bersih akan terganggu. Pembinaan juga kena pastikan mereka patuhi penilaian dampak alam sekitar (EIA).
Katanya pembinaan ini dicadangkan juga laluan bawah tanah. Untuk elak pembalakan, pembersihan tanah atau hutan.
Apa pun kita masih teliti cadangan berkenaan. ECRL tidak akan ganggu geotaman yang dicadangkan.



Pada 2023, Selangor mendapat pengiktirafan geotaman negara yang ketujuh. Pada 2025 pula akan ada persiapan sekali lagi untuk Kerajaan Negeri mendapatkan status geotaman dunia

HEE LOY SIAN EXCO Pelancongan dan Alam Sekitar Negeri

Headline	Menuju geotaman taraf dunia		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	24 Aug 2022	Color	Full Color
Section	News	Circulation	250,000
Page No	12,13	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	1754 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 17,204
Frequency	Weekly	PR Value	RM 51,612



GEOTAPAK

- 1 Syis Dinding AU3
- 2 Syis Hawthorndern Jalan Raya Rawang Bestari Jaya (JRBJ)
- 3 Syis Jelebu Bukit Arang
- 4 Batu Kapur Kuala Lumpur Bukit Takun
- 5 Formasi Kenny Hills Sientex
- 6 Syis Selut Karak
- 7 Endapan Batu Arang
- 8 Lapisan Alluvium Tua
- 9 Fosil Pliestosen Akhir Batu Caves
- 10 Kompleks Volcano Sempah
- 11 Olistostrom Terich Genting Sempah
- 12 Konglomerat Sempah Karak
- 13 Rijang Gombak Karak Highway
- 14 Ketakselarasan Batu Arang
- 15 Ketakselarasan JRBJ
- 16 Kompleks Mata Air Panas Dusun Tua
- 17 Mata Air Panas Sungai Lalang
- 18 Mata Air Panas Selayang
- 19 Granit Kuala Lumpur
- 20 Mikrogranit Genting Sempah
- 21 Granit Semenyih Jalan Empangan
- 22 Porfirit Hulu Langat Sungai Gabai
- 23 Permatang Kuarza Gombak
- 24 Permatang Kuarza Tekali
- 25 Puncak Granit Gunung Nuang
- 26 Air Terjun Sungai Kanching
- 27 Air Terjun Sungai Tekala
- 28 Gua Batu Caves
- 29 Bekas Lombong Tasik Biru, Kundang
- 30 Bekas Lombong Batu Arang
- 31 Telaga Air Panas Artesian, Kampung Jawa

BIOTAPAK

- 1 Habitat Gua Batu Kapur, Batu Caves
- 2 Hutan Granit, Ulu Gombak
- 3 Habitat Kambing Gurun, Permatang Kuarza Gombak
- 4 Habitat Mogot, Bukit Takun & Bukit Anak Takun
- 5 Hutan Sekunder FRIM, Kepong
- 6 Habitat Palma Endemik, Hutan Lipur Sungai Tekala

TAPAK BUDAYA DAN WARISAN

- 1 Muzium Orang Asli, Gombak
- 2 Kuil Sri Mahamariamman, Batu Caves
- 3 Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN)
- 4 Masjid Raja Alang, Pekan Beranang

KAMPUNG 100 TAHUN

- 5 Kampung Melayu Batu Arang, Gombak
- 6 Kampung Simpang Tiga, Gombak
- 7 Kampung Kuala Pangsun, Hulu Langat
- 8 Kampung Batu 21, Sungai Lui, Hulu Langat
- 9 Kampung Batu 13, Hulu Langat

WARISAN TIDAK KETARA

- 10 Kuih Jongkong di Kampung Dusun Tua
- 11 Seni Silat Sendeng & Tarian Kolattam di Batu Caves